



JUN 2018

# CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

“Jadilah Engkau Pemaaaf Dan Suruhlah Orang Mengerjakan Yang Ma’ruf Serta Berpal-inglah Daripada Orang-Orang Yang Bodoh”

Al-a’raf : 199

**Ahad, 3 Jun 2018** - Majlis Khatam Al-Quran 72 Peserta Belia dan Beliawanis Sempena Hari Keputeraan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun dan sempena bulan Ramadan telah diadakan di Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis tersebut dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir dan Kumpulan Muslimah STKRJ Kampung Lambak Kiri dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid. Antaralain tujuan ialah untuk membentuk jati diri para belia dan beliawanis dengan semangat, perkasa dan berbekalkan ilmu serta kemahiran Al-Quran yang akan diberikan panduan, berlandaskan ajaranajaran Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Imam Syafie, yang beriman dan bertakwa serta menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir berwawasan 2035.




**Ahad, 3 Jun 2018** - YB Dato Menteri KKBS dan Datin menghadiri Majlis Khatam Al-Quran 1439 Hijrah / 2018 anjuran Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya. Majlis yang diadakan di Dewan Digadong itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh lebih 300 peserta yang terdiri dari individu kelainan upaya, ahli keluarga serta tenaga pengajar. Majlis diserikan dengan dikir marhaban dan pengagihan bunga telur kepada para peserta khatam yang disampaikan oleh tetamu kehormat yang kemudiannya diteruskan dengan Doa Selamat.

**Isnin, 4 Jun 2018** - KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS . Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis diselajurkan dengan penyampaian derma kepada 34 anak yatim bagi pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis telah diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah. Majlis ini merupakan aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun sebagai tujuan perpaduan serta kekeluargaan dalam kalangan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, di samping itu sebagai usaha berterusan dalam mentarbiyyah pembudayaan membaca Al-Quran dalam dalam kalangan para pegawai juga kakitangan KKBS.







**Selasa, 5 Jun 2018** - Program Kembara Amal Ramadan KKBS 1439 Hijrah / 2018 Masihi diteruskan lagi secara serentak di semua daerah. Di Daerah Tutong, penyerahan barangan keperluan asas kepada lima buah keluarga yang tersenarai di JAPEM telah disempurnakan oleh YB Dato Menteri KKBS. YB Dato juga sempat berbual mesra bersama penerima serta ahli keluarga masing-masing. Di Daerah Belait, rombongan diketuai oleh Ahli MMN, YB Awang Hanapi bin Mohd. Siput. Manakala di Daerah Temburong diketuai oleh PITKK KKBS, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria. Program Kembara Amal Ramadan merupakan projek tahunan KKBS sebagai inisiatif outreach ke seluruh daerah bagi menghulurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan dalam sama-sama meringankan beban dan setrusnya berkongsi kegembiraan dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

**Selasa, 5 Jun 2018** - YB Dato Menteri KKBS menerima sumbangan derma yang telah diterima oleh JAPEM melalui kutipan daripada kumpulan isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu bagi murid-murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti bertempat di Tingkat 8, Pejabat YB Dato. Hadir menyaksikan ialah SUT KKBS Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Pemangku Pengarah JAPEM.



**Rabu, 6 Jun 2018** - Seramai 156 orang murid dan pelatih Pusat Bahagia Daerah Brunei Muara menerima sampul Hari Raya Aidilfitri dalam Majlis Bersungkaian anjuran oleh KKBS menerusi JAPEM yang diadakan di Dewan Digadong. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim. Sumbangan tersebut merupakan hasil kutipan derma Kumpulan Isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu. Hadiah berupa beg cenderahati dan derma sumbangan Syarikat YMRM turut disampaikan oleh pengerusi syarikat berkenaan. Majlis seumpama ini dihasrat akan dapat memberikan keceriaan dan kegembiraan kepada murid-murid dan para pelatih OKU dalam sama-sama menyambut bulan Ramadan yang penuh berkah. Turut hadir, SUT KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; pegawai-pegawai kanan KKBS; Pengerusi Syarikat YMRM, Awang Ramesh Jiwayatram Bhawani; wakil Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu serta murid juga pelatih Pusat Bahagia bersama ibu bapa.





**Khamis, 7 Jun 2018** - DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Bertadurus Al-Quran Belia Senegara 1439H / 2018M. Keberangkatan DYTM dijunjung oleh YB Pehin Menteri Pertahanan II selaku Pemangku Menteri KHEDNi; YB Dato Menteri Pendidikan dan YB Dato Menteri KKBS. Majlis yang berlangsung secara berasingan bagi belia lelaki disertai oleh seramai lebih 2,000 belia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah manakala beliawanis pula di Masjid Omar 'Ali Saifuddin. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Muhd. Fikri bin Haji Awang Metussin, Johan Qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M. Majlis berkenaan diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.



**Khamis, 7 Jun 2018** - Majlis Bersungkaik bersama murid- murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia Daerah Brunei Muara yang ditaja oleh Syarikat Borneo United Enterprise Sendirian Berhad, Syarikat Hasmit Electrical & Lighting dan Syarikat Dee Jay Sendirian Berhad telah berlangsung di Dewan Ifrah, Pusat Bahagia Kampung Pulaie. Hadir selaku tetamu kehormat majlis YB Dato Menteri KKBS. Majlis anjuran KKBS melalui JAPEM ini dihasratkan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi melihat keceriaan dan kegembiraan yang jelas digambarkan setiap murid dan pelatih. Selain itu, majlis seumpamanya juga merupakan peluang bagi para tetamu untuk sama-sama menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan bersama murid dan pelatih-pelatih pusat tersebut. Turut hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti POKSSP Dato Paduka Haji Mohd. Tahir; Pengerusi Syarikat Borneo United Enterprise Sendirian Berhad, Stanley Um Hock; Pengerusi Syarikat Hasmit Electrical & Lighting Steven Huong Hau Yiew; Pengurus Syarikat Dee Jay Sendirian Berhad, Awang Haji Mohammad bin Haji Hidup, para pegawai kanan dan kakitangan di KKBS dan JAPEM serta murid dan pelatih pusat berkenaan.

**Jumaat, 8 Jun 2018** - YB Dato Menteri KKBS menghadiri Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat. Pada majlis tersebut, YB Dato Menteri bersama Yang Dipertua MKM, Awang Yusuf Halim telah menyampaikan sumbangan kepada 50 penerima yang telah mengikuti Legal Clinic MKM dan yang berkeperluan di bawah jagaan MKM. Majlis diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Tahlil seterusnya berbuka puasa dan sembahyang Fardu Maghrib berjemaah





**Sabtu, 9 Jun 2018** - Sebagai salah satu usaha ke arah pembentukan generasi belia yang cemerlang dan mempunyai kepimpinan tinggi, KKBS telah mengadakan Majlis Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia Bulan Ramadan yang diadakan di Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kampung Katimahar. Hadir selaku tetamu kehormat majlis YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan Forum Belia Produktif Di Bulan Ramadan dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD. Penyampaian wakaf berupa perkakas keperluan daripada penderma-penderma belia untuk Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien turut disempurnakan penyampaiannya oleh tetamu kehormat. Seramai 250 belia dan pemimpin belia terdiri daripada persatuan-persatuan belia, alumni program-program belia, sukarelawan belia dan Muslimah masjid menghadiri majlis tersebut.



**Khamis, 14 Jun 2018** - Penyampaian Penganugerahan Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada 28 pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun 2017 telah diadakan di Dewan Digadong, KKBS. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat-pingat berkenaan ialah YB Dato Menteri KKBS. Turut hadir dan menerima pingat ialah SUT KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil. Penganugerahan pingat tersebut adalah sebagai tanda penghargaan dan bukti kepada penerima penerima atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan dan tugas yang diamanahkan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan Majlis KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



**Sabtu, 23 Jun 2018** - Sesi Dialog World Café Kali ke-4 bertema 'Menjayakan Wawasan Negara' anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei bertujuan untuk mengongsikan maklumat di antara pihak kerajaan dan sektor swasta dalam menangani isu-isu dan cabaran utama ke arah memacu matlamat sosio ekonomi negara. Hadir dalam Sesi Dialog tersebut YB Dato Menteri KKBS. Sesi Dialog turut disertai oleh UBD, UNISSA, UTB, KUPU Seri Begawan serta wakil-wakil jempunan dari beberapa agensi Kerajaan. Tema ini dilaksanakan melalui pendekatan dalam perbincangan dan perhimpunan melalui empat bidang iaitu Perniagaan, Ekonomi, Sosial dan Teknologi.



**Selasa, 12 Jun 2018** - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran, Bersungkaik dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah Bersama Pelatih-pelatih PPB sesi Januari 2018 anjuran PBB bertempat di dewan pusat berkenaan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat bersama pegawai-pegawai kanan KKBS, pegawai dan kakitangan PPB berserta para pelatih, diikuti dengan bacaan khatam Al-Quran, Takhtim dan Tahlil disusuli dengan bacaan Doa Khatam Majlis Perwakilan Pelatih Sesi Januari 2018, Awang Abdurrahman bin Haji Jahari. Majlis juga diselajurkan dengan acara bersungkaik bersama para pelatih PPB dan diteruskan dengan Sembahyang Maghrib berjemaah di Surau Utama PPB.







**Ahad, 24 Jun 2018** - YB Dato Menteri KKBS dan isteri menjadi tetamu kehormat pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Danau 2018 yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Danau bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Kampung berkenaan. Majlis tersebut diadakan bertujuan bagi beramah mesra dan bermaaf-maafan sambil mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu dengan yang lain dalam kalangan penduduk kampung berkenaan. Turut hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai Tutong; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan; Ketua Kampung Bukit Beruang, Ketua Kampung Tumpuan Telisai dan penduduk Kampung Danau.

**Selasa, 26 Jun 2018** - Rombongan Universiti Sains Sukan Nippon Japan (NSSU) yang diketuai oleh Pengarah NSSU Coaching Excellent Centre, Profesor Masamitsu Ito telah membuat kunjungan hormat kepada YB Dato Menteri KKBS bertempat di Pejabat Menteri, KKBS. Dalam kunjungan tersebut beberapa perkara telah dibincangkan termasuk untuk mengadakan bengkel-bengkel kejurulatihan sains sukan sebagai persediaan atlet sukan para negara bagi menyertai Sukan Serantau dan antarabangsa serta usaha-usaha ke arah mempertingkatkan juga memperkukuhkan lagi perkembangan sukan para di negara ini.



**Khamis, 28 Jun 2018** - Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada 32 orang pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara pada tahun 2017 telah diadakan di Stadium Tertutup, KSNHB. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para pesara YB Dato Menteri KKBS. YM SUT KKBS dalam ucapannya berharap para pesara akan terus dapat menyumbang dan menabur bakti serta berkongsi pengalaman terutamanya dengan para belia bagi sama-sama membangun serta mendukung wawasan negara 2035. Majlis turut diselajurkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dihadiri sama oleh Persatuan OKU, Persatuan Warga Emas, Alumni Progam Khidmat Bakti Negara, Alumni Pusat Pembangunan Belia juga persatuan-persatuan Belia dan Sukan di seluruh daerah.



**Sabtu, 30 Jun 2018** - YB Dato Menteri KKBS telah melancarkan Projek Visi Seni 2018 yang berlangsung di Galeri Seni, Dermaga Diraja. Visi seni iaitu pameran Contemporary Art 'Sudut Pandangan' dan Pameran Pesta Senilukis bermula pada 30 Jun hingga Julai 2018. Projek ini diharap akan dapat menyumbang kepada perkembangan positif seni lukis atau seni tampak selain membantu untuk membangun ekosistem industri kreatif di negara ini khususnya dalam kluster seni tampak. Visi Seni 2018 adalah projek simposium seni tampak dan satu percubaan untuk mengumpul serta menyatukan persatuan, individu ke satu platform seni. Melalui projek ini, masyarakat seni akan dapat mempersembahkan projek seni mereka melalui pameran, bengkel, forum dan kegiatan seni untuk tontonan dan penyertaan awam.



**Tim Penerbitan** Jeffree Haji Md Kassim **Penyunting & Penyemak**, Jeffree Haji Md Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** Jeffree Hj Md Kassim **Jurufoto** Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.